



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	18/2/2013

Umpan Najib di Tahun Baru Cina makan diri

Harakah - 18/2/2013

Oleh RAYUSA

MAJLIS sambutan rumah terbuka Tahun Baharu Cina BN Pulau Pinang di padang Kolej Han Chiang 11 Februari lalu mencatat sejarah kerana kali pertama Perdana Menteri dimalukan. Najib Tun Razak mengharapakan sokongan padu rakyat Pulau Pinang dalam majlis yang dihadiri 30,000 orang itu. Beliau membawa penyanyi Korea Selatan, Psy sebagai "umpan,"

Namun, penonton lebih ghairah menyaksikan persembahan penyanyi yang "meletup" dengan lagu *Gangnam Style* itu. Najib yang hadir bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor serta anak mereka, Ashman dan Nooryana Najwa, turut ditemani Tun Abdullah Ahmad Badawi; pemimpin BN Negeri, Teng Chang Yeow dan Teng Hock Nan, serta Menteri Pelancongan, Dato' Seri Ng Yen Yen.

Selain banyak yang memakai baju kuning, hijau dan merah, serta berkemeja-T perhimpunan Bersih, para penonton yang memenuhi kawasan belakang padang kolej itu tidak menghiraukan Najib.

Ketika "menjadi" pengacara majlis (MC), empat kali Najib

bertanya para penonton adakah telah bersedia untuk menyaksikan persembahan Psy (Park Jae-sang). Para penonton menyebut "Ya" dengan penuh semangat.

Bagaimanapun, penonton di kawasan belakang padang tersebut menyebut "Tidak" dan ketawa apabila ditanya "Anda bersedia untuk BN?" sebanyak empat kali juga.

Mereka turut ketawa apabila Najib menyebut Han Niang untuk Kolej Han Chiang sewaktu mengumumkan akan menaikkan taraf kolej tersebut menjadi universiti kolej dan MC menjemput Rosmah menyanyi lagu sambutan Tahun Baharu Cina.

Sebelum Psy menyanyi, Najib turut dimalukan apabila penyanyi itu tidak naik ke pentas untuk bersama dengan VIP menggaul *ye sang*. Seorang menteri telah dipersalahkan atas berlakunya perkara itu.

Ketua Pemuda Gerakan Pulau Pinang, Oh Tong Keong yang menjadi penganjur penganjuran majlis itu berkata menteri berkenaan memberitahu pengacara untuk menjemput Psy turut sama menggaul *ye sang*. Oleh kerana menteri tersebut tidak memaklumkan kepada jawatankuasa penganjur

lebih awal, lantas tidak dapat memberi taklimat kepada Psy, Oh berkata beliau dapat memahami kejangalan Psy apabila pengumuman mengenai itu dibuat.

Jelas Oh, syarikat pengurus acara itu mesti mengikuti norma-norma, dan sebagai bintang mega, Psy juga mempunyai "standard yang kita mesti ikuti."

Itu cadangan ad-hoc yang menyebabkan semua, terutama Najib, malu. Oh bertanya pengacara mengapa dia menjemput Psy naik ke pentas. Pengacara menjawab dia berbuat demikian atas arahan seorang menteri.

Walaupun Oh enggan menamakan menteri berkenaan, terdapat tiga menteri yang hadir, iaitu Presiden Gerakan, Tan Sri Koh Tsu Koon; Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tan Sri Mohamed Yakcop dan Ng Yen Yen (Naib Presiden MCA).

Beberapa hari sebelum itu, ahli perniagaan, Iqbal Ameer, menegaskan syarikatnya tidak menaja majlis tersebut. Jelas Iqbal, Livescape Sdn Bhd yang ditubuhkannya hanya menganjurkan konsert Future Music Festival Asia pada 15 dan 16 Mac nanti.

BN juga, tambah Iqbal, tidak

pernah berunding dengan syarikatnya. Konsert anjuran syarikatnya pada Mac depan itu juga akan menampilkan Psy. Kerajaan Umno-BN menjelaskan bahawa persembahan yang melibatkan kos lebih RM1 juta itu ditaja sebuah syarikat swasta. Dengan penafian Iqbal itu, terbukti penganjuran konsert tersebut menggunakan wang rakyat. Walaupun persembahan Psy selama sejam tidak mengenakan tiket, dia tetap dibayar. Psy meminta bayaran antara USD300,000 hingga USD400,000 (RM932,100 hingga RM1,242,800).

Amat janggal apabila "Wira Islam" dengan rela membelanjakan banyak wang untuk membiayai hiburan dalam gelanggang politik. Najib sungguh *double standard* kerana kerajaan pimpinannya siang malam mendakwa cuba mengekang masalah kos sara hidup rakyat dengan memberikan bantuan kewangan seperti BR1M (dua kali).

Beberapa hari sebelum itu, sekumpulan peminat Psy merayu di laman Facebook penyanyi tersebut agar tidak datang ke Malaysia. Banyak pengguna Facebook Malaysia menyalin dan memuatkan semula rayuan berkenaan di laman sosial itu.

Ada yang turut memuatkan mesej berkenaan dalam bahasa Korea dan merayu agar Psy tidak datang. Kata mereka, jika Psy datang, dia akan menjadi alat politik BN.

Walaupun BN menjelaskan sebuah syarikat swasta yang menaja, pengakuan Iqbal dengan sendirinya menafikan hakikat tersebut. Mesej itu juga mendakwa BN cuba menunjukkan kepada generasi muda bahawa negara ditadbir dengan baik kerana PRU13 semakin hampir.

Sementara itu, walaupun Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng gembira dengan kedatangan Psy, perasaan tersebut sinis.

Beliau yakin program tersebut membantu industri pelancongan di negeri itu kerana banyak orang dari negara jiran datang menonton. Yang jelas, kerajaan Pakatan Rakyat berpeluang mempromosi Pulau Pinang tanpa berbelanjaan sesen pun.

Menariknya, Presiden Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), Zed Zaidi turut mengkritik penganjur konsert itu kerana menyisihkan artis tempatan. Kata Zed, peruntukan besar membawa Psy sepatutnya diberi kepada artis tempatan, sesuai dengan slogan "Rakyat didahulukan" yang Najib sendiri uar-uarkan.